

Mahathir yakin BN akan berkuasa semula

KUALA LUMPUR, Khamis — Barisan Nasional akan memerintah semula dengan suara majoriti, demikian dinyatakan oleh Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

Bellau yakin Barisan Nasional akan menang dengan suara majoriti. "berapa besar majoriti itu kita tidak tahu. Yang kita tahu, kita akan menang," katanya.

Dalam pertemuan dengan pemberita di Ibu pejabat UMNO Malaysia, di sini, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, "Majoriti yang diperolehi oleh BN itu tidak berarti kita menyapu bersih semua kerusi kerana dalam sebuah negara demokratik parti-parti lain juga boleh menang.

Bellau berkata lagi, "8 Julai ini akan menentukan segala-galanya, kita tengok siapa akan hanyut."

Dato Seri Dr. Mahathir menegaskan, kemenangan BN adalah penting demi kestabilan negara, keamanan, keselamatan dan kemakmuran seluruh rakyat.

Berbulan madu

Kemenangan cemerlang BN dalam pilihanraya 1974 ialah kerana masa itu "kita sedang berbulan madu" katanya.

Bellau juga yakin, BN akan menang dengan majoriti di Kedah dan Perak.

Menurut beliau, sikap golongan yang anti dan menentang Kerajaan seperti di kawasan Ipoh dan Menglembu, telah berubah sekarang.

Pengundi-pengundi di situ telah sedar bahawa mereka tidak mendapat sebarang faedah dari parti pembangkang," tegasnya.

Ditanya mengenai peluang kemenangannya di kawasan Parlimen

Kubang Pasu dan kedudukan Datuk Haji Mohamad Asri di Padang Terap, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, "Kita tengok 8 Julai ini siapa akan hanyut dan Datuk Asri ingat dia boleh menang di Padang Terap, sama-sama kita tengok nanti."

Timbalan Perdana Menteri menyatakan, tindakan PAS menggunakan agama Islam untuk menggellrukan, rakyat boleh membuka pintu kepada pengaruh komunis bertapak di hati rakyat, khasnya orang-orang Melayu.

"Iulah sebabnya saya pernah mengatakan bahawa PAS lebih bahaya dari komunis," ujar beliau kepada pertanyaan para pemberita.

Katanya, usaha-usaha PAS dalam pilihanraya sekarang adalah untuk memecah-belahkan orang-orang Melayu.

Pecah belah

Menurutnya, orang-orang Melayu merupakan tulang belakang dalam mempertahankan negara dari komunis dan bila Melayu berpecah mereka menjadi lemah tak dapat mempertahankan diri daripada pencerobohan komunis.

Dato Seri Dr. Mahathir memberikan contoh di beberapa negara Timur Tengah dan Asia Tengah iaitu bila orang-orang Islam dipecah-belah dengan fahaman yang berbeda dengan Islam iaitu ideologi yang dicipta manusia untuk peralataan orang Islam, akhirnya semua berpecah dan komunis menakluki negara-negara tersebut.

Tambahnya, sikap orang-orang Melayu mudah percaya dan terpengaruh dengan ajaran dan perkara-perkara berhubung dengan agama Islam tanpa menyedari setengah daripadanya untuk menggellru dan memecah-belahkan mereka.

Katanya, kemungkinan PAS sendiri tidak menyedari buruk baiknya kegiatan-kegiatan yang dilakukan itu. "Para pemimpinnya hanya mementingkan memenangi pilihanraya ini tanpa mengira apa akan berlaku kepada negara dan rakyat," katanya.

Menyentuh tentang pakatan suli DAP dan PAS, Dato Seri Dr. Mahathir telah menyebut bukti-bukti yang boleh menguatkan lagi dakwaan BN mengenai perkara itu.

Antaranya ialah lori-lori DAP membawa poster-poster PAS; BN mempunyai gambar-gambar menunjukkan calon-calon DAP sedang berbincang sesuatu dengan calon-calon PAS di hari penamaan calon di Johor; Datuk Asri sendiri mengaku apa salahnya kerjasama PAS dan DAP sedangkan UMNO bekerjasama dengan MCA.